

BAB 1

PENGENALAN

Disertasi ini merupakan satu kajian mengenai makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya di dalam surah al-Naml. Kajian ini akan memperjelaskan maksud ayat tanya dalam bentuk penghuraian segala permasalahannya dengan lebih jelas lagi kepada pembaca.

Ini memandangkan kajian terdahulu mengenai ayat tanya tidak dilakukan secara lengkap dalam bentuk yang berasingan dari bidang kajian ilmu Balaghah yang lain. Penulis juga merasakan perlu supaya kajian mengenai makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya ini dikaji dari sudut penggunaannya dalam al-Quran, memandangkan penggunaanya yang begitu meluas di dalam kitab suci ini.

Mengikut perkiraan ulama Balaghah terdapat lebih kurang 1260 ayat tanya di dalam al-Quran berbanding keseluruhan ayatnya yang berjumlah 6666 ayat. Dengan itu ayat tanya mengambil peratusan yang agak besar di dalam keseluruhan kandungan al-Quran, sekaligus memperlihatkan kekuatan dan keberkesanan ayat tanya dalam menyampaikan maksud sama ada secara tersurat atau pun tersurat.

1.1. BIDANG KAJIAN.

Kajian ini merupakan satu kajian dalam bidang semantik iaitu melihat maksud perkataan ataupun ayat dari sudut makna dalaman. Pun begitu, kajian mengenai makna pada

peringkat ini tidak berupaya memberikan gambaran secara menyeluruh tentang maksud sesuatu ayat tanpa melibatkan beberapa bidang ilmu bahasa yang lain seperti retorik, pragmatik, psikologi dan lain-lain lagi.

Ini kerana kajian pada peringkat semantik hanya melibatkan faktor-faktor linguistik sahaja, sedangkan pemahaman terhadap makna yang tersirat dalam ayat tanya memerlukan kepada proses penginterpretasian maklumat yang turut melibatkan faktor-faktor bukan linguistik. (Nor Hashimah Jalaluddin, 1992,m.s : 1)

Secara amnya, kajian ini akan tertumpu kepada beberapa faktor yang membentuk kesatuan makna ayat tanya. Faktor-faktor itu adalah seperti berikut :

a) Memahami makna perkataan.

Makna merupakan maksud dalaman yang terkandung dalam diri seseorang dan dilambangkan menerusi perkataan. Pemahaman makna pada peringkat ini akan dirujuk kepada kamus-kamus Arab yang muktabar. Turut disentuh pada peringkat ini ialah kesesuaian bunyi ataupun irama dengan makna perkataan.

b) Memahami makna ayat.

Makna ayat akan dikupas melalui makna semantik dan juga makna berdasarkan kontek ayat seperti keadaan penutur, keadaan pendengar dan suasana yang menjadi latar belakang kepada pembentukan sesuatu ayat.

c) Menghayati nilai-nilai seni dalam ayat.

Unsur-unsur seni dalam ayat merupakan pemangkin ke arah keberkesanannya makna pada diri pendengar. Ini selaras dengan naluri manusia itu sendiri yang cintakan seni dan keindahan.

1.2. DEFINISI TAJUK.

Tajuk kajian ini ialah “ MAKNA TERSIRAT DI SEBALIK AYAT TANYA : SATU KAJIAN DESKRIPTIF DALAM SURAH AL-NAML ” .

Menentukan skop kajian dan pemahaman yang jelas mengenai tajuk merupakan asas penting bagi memulakan sesuatu kajian. Hal ini boleh diumpamakan sebagai batu tanda yang akan menjadi pedoman kepada pengkaji sepanjang kajiannya. Berikut adalah merupakan skop kajian dan huraiannya :

a) *Makna* : Menurut Bloomfield (1992, m.s :25) makna ialah keadaan apabila penutur mengujarkan sesuatu ujaran dan gerak balas pendengar terhadap ujaran tersebut. Keadaan yang dimaksudkan di sini merangkumi setiap objek dan peristiwa yang mengelilingi alam kehidupan penutur. Dengan itu makna mempunyai perkaitan dengan tindak balas pemikiran, lambang sama ada dalam bentuk kata-kata ataupun objek dan kesan dalam diri pendengar. Dalam erti kata yang lebih mudah; makna ialah apa yang dikehendaki berlaku oleh penutur dalam diri pendengar.

b) *Tersirat* : Menurut Kamus Dewan iaitu sesuatu yang terkandung atau tersembunyi (di dalam) dan tidak nyata secara langsung. Dalam kontek ini apa yang dimaksudkan ialah makna yang akan difahami melalui kontek ayat (latar ujaran, intonasi, reaksi pendengar dan sebagainya) dan bukannya semata-mata makna yang difahami melalui lahiriah sesuatu ayat itu.

c) *Ayat tanya* : ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal ataupun mendapatkan maklumat yang tidak difahami oleh penutur. Dalam kajian ini pertanyaan adalah bukan bertujuan untuk mendapat sesuatu maklumat seperti mana yang dinyatakan oleh lahiriah ayat, tetapi sebaliknya mempunyai makna yang tersirat yang ingin disampaikan oleh penutur secara tidak langsung.
(Khatib al-Qazwiniy, t.t. : 138)

d) *Kajian deskriptif* : merupakan suatu kajian secara pemerian yang bertujuan untuk memperjelaskan sesuatu tajuk dan permasalahan, menganalisa sesuatu keadaan, mendefinisikan sesuatu istilah dan memberi panduan serta arahan supaya pembaca mendapat lebih banyak maklumat dari hal tajuk.(Marzukhi Nyak Abdullah, 1996 : 30)

Kesimpulannya, kajian ini merupakan satu proses penginterpretasian makna tersirat sesuatu ayat tanya yang terkandung secara tidak langsung sebagaimana yang dikehendaki oleh penuturnya.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN.

Terdapat beberapa objektif tertentu yang menjadi sasaran utama kajian ini. Penulis sedaya upaya akan memastikan supaya objektif ini tercapai. Secara amnya objektif ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

1.3.1. Objektif am.

Objektif am merupakan matlamat yang ingin diperolehi secara tidak langsung. Kajian ini diharapkan bukan sahaja memberi maklumat dari hal penggunaan ayat tanya malah ia turut menyumbang ke arah penguasaan beberapa bidang ilmu yang lain yang mempunyai kaitan secara tidak langsung dengannya. Antara objektif amnya adalah seperti berikut :

a). Mengkaji i'jaz al-Quran.

Kajian mengenai makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya seperti yang dinyatakan dalam tajuk disertasi ini, secara umumnya bertujuan untuk memperjelaskan kepada umum dari hal keindahan dan keanggunan bahasa al-Quran sejajar dengan kedudukannya sebagai kitab pedoman sepanjang zaman.

Seseorang muslim tidak dapat menghayati makna isi kandungan al-Quran, tanpa menghayati nilai bahasa al-Quran terlebih dahulu. Ini bermakna kajian ini akan tertumpu terhadap permasalahan-permasalahan yang menjadi faktor utama terhadap pemahaman dan penghayatan ayat-ayat suci al-Quran.

Penguasaan terhadap bahasa al-Quran adalah merupakan faktor penentu di dalam soal ini. Penguasaan bahasa yang dimaksudkan di sini bukan sahaja memahami makna perkataan dan nahu semata-mata, malahan amat memerlukan kepada penguasaan secara menyeluruh terhadap aspek-aspek yang bersangkut paut dengan budaya bahasanya, seperti retorik, neka bahasa, laras bahasa dan seterusnya ragam bahasa.

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pegangan dan pedoman hidup umat-umat Islam dan umat-umat manusia keseluruhannya. Selain itu, ia satu-satunya merupakan mu'jizat teragung dari wahyu Ilahi dan bersifat kekal sehingga akhir zaman, tidak seperti mu'jizat-mu'jizat para nabi yang lain.

Bila dikatakan sebagai mu'jizat, bererti sesuatu yang tidak boleh ditandingi oleh kemampuan makhluk. Sebagai contohnya, ketinggian dan kesucian bahasa Arab al-Quran mengatasi kemampuan tokoh-tokoh bahasa Arab di kala itu.

Walaupun bahasa Arab yang terkandung di dalam al-Quran menyerupai bahasa Arab yang ditutur pada masa itu dari segi makna perkataannya, tetapi dari segi penggunaan dan pemakaianya, jelas al-Quran lebih menampakkan keunggulan dan keanggunan daripada apa yang dituturkan oleh masyarakat Arab pada ketika itu. (Al-Bāqillāniy, 1991, m.s. : 66)

Masyarakat Arab pada masa itu amat berbangga dengan kebolehan mereka menguasai Bahasa Arab. Tokoh-tokoh bahasa yang sekaligus merupakan pujangga-pujangga bangsa seperti Umru'ul Qais, Zuhair ibnu Abi Sulma,

al-Nabīghah al-Zubyāniy dan lain-lain lagi amat disanjungi dan menjadi lambang kebanggaan orang-orang Arab sehingga kini di dalam arena bahasa.

Tetapi dengan turunnya al-Quran umat-umat Arab pada ketika itu merasakan mereka telah tertewas. Mereka sama ada Islam atau pun kafir merasa amat terpegun dengan keindahan dan keunggulan bahasa al-Quran. Jika dahulunya mereka amat berbagga dengan hasil kesusteraan mereka, tetapi kini keindahan dan kehalusan bahasa al-Quran menambat hati dan pendengaran mereka.

Kita semua mengetahuai bagaimana Sayyidina Umar al-Khaṭṭab seorang yang amat bengis dan berhati batu. Tetapi hatinya menjadi gementar dan terlerai segala keangkuhannya sebaik sahaja sepotong ayat suci al-Quran dari surah Taha menembusi pintu hatinya. Umar dan orang-orang yang seumpama dengannya merasakan mereka berhadapan dengan kalam Ilahi dan bukan lagi madah-madah pujangga yang suatu ketika dahulu menjadi pujaan mereka. (Ibnu Hisyām, t.t., jld. 1, m.s. 345)

Inilah apa yang dimaksudkan sebagai i'jaz bahasa al-Quran yakni keindahan dan kehalusan bahasanya tidak mampu dilakukan seumpamanya oleh manusia.

Orang-orang yang memahami bahasa al-Quran akan merasakan betapa kerdilnya diri mereka apabila berhadapan dengan ayat-ayat al-Quran. Aspek-aspek yang menjadi tonggak keindahan bahasanya, ialah laras dan gaya bahasanya, pengolahan maksud, teknik penyampaian makna, kepadatan makna dan kaedah penghujahannya adalah di luar batas kemampuan pemikiran manusia.

Keberkesanannya dalam memahami dan menghayati maksud al-Quran bergantung kepada sejauh mana seseorang itu dapat mengusai budaya bahasa al-Quran. Dengan itu, kajian ini akan mendedahkan penulis begitu juga pembaca dengan i'jaz al-Quran dari segi bahasa dengan perbahasan-perbahasan secara deskriptif iaitu dengan cara mengupas sesuatu permasalahan, menganalisis secara sistematis, menakrif dan juga memberi panduan atau arahan.

b) Membantu perkembangan kesusasteraan dan kesenian Islam.

Kesusasteraan merupakan satu cabang seni yang lahir bersama kelahiran manusia. Penglibatan manusia dalam aspek seni merupakan satu ilham semula jadi hasil tindak balas unsur-unsur dan nilai-nilai indah yang meliputi alam ini terhadap perasaan dan naluri manusia. Dengan yang demikian, kesenian memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan mengabadikan sesuatu yang indah dan luhur bagi sesuatu kebudayaan.

Persoalannya sekarang adakah Islam mengharuskan seni ? Pada pandangan sesetengah orang, Islam tidak mempunyai kaitan dengan bidang seni. Ini kerana agama menyeru ke arah kebenaran manakala seni memuja keindahan dan menolak sebarang bentuk ikatan dengan nilai-nilai akhlak mulia.

Sebenarnya kalau diperhatikan, terdapat hubungan yang sebatи antara Islam dan seni. Islam adalah agama yang syumul yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia termasuk soal rohani, jasmani, emosi dan intelek.

Dari sudut yang lain, seni tercetus dari ransangan perasaan manusia terhadap alam dan kehidupan di sekelilingnya. Sebagai hasilnya, sesuatu yang indah dan

luhur dari pengamatan dan penghayatan insan seni terhadap persekitarannya diabadikan dalam bentuk menefestasi dan luahan perasaan dengan gaya persembahan dan daya imiginasi yang mempersonakan sama ada dalam bentuk kata-kata ataupun perlakuan. Dengan itu, sememangnya wujud satu pertemuan antara Islam dan seni dalam perasaan insan muslim. (Muhammad Qutub, 1983, m.s.12)

Dalam bidang kesusasteraan Islam, penumpuan tidak hanya terletak pada gaya dan teknik persembahan semata-mata, malahan soal apa yang hendak diperkatakan itu merupakan soal yang terpenting. Ia tidak harus merupakan kata-kata kosong ataupun sekadar angan-angan. Dengan yang demikian seorang sasterawan Islam amat berhajat kepada prinsip dan pegangan hidup yang jelas untuk diperjuangkan.

Kajian ini secara tidak langsung akan memperlihatkan betapa pentingnya akhidah Islamiah dalam menunjang hasil sastera agar dapat berfungsi sebagai juru bicara ummah .

Dalam konteks berkenaan, penglihatan Islam terhadap hakikat kewujudan alam dan kehidupan manusia adalah sangat menyeluruh dan menepati naluri manusia. Islam tidak sama sekali menumpukan perhatian terhadap aspek tertentu sahaja dalam kehidupan ini dengan mengecilkan aspek-aspek lain yang membentuk keseluruhan kehidupan ini.

Hanya seniman yang berjiwa Islam sahaja yang mampu memberi pengertian dan penafsiran yang sebenar terhadap persoalan ketuhanan, kehidupan dan alam ini (Muhammad al-Hassan al Nadawiy, 1985, m.s. 19).

Ini bermakna seseorang penulis dan sasterawan itu harus mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh Islam, dan bertitik tolak dari sinilah mereka memulakan hasil karya mereka. Hasil seni yang berteraskan Islam sudah tentu dapat dimanfaatkan untuk kesejahteraan ummah dan membawa kedamaian untuk alam ini.

Kalau begitu wajarlah bagi ahli sasterawan dan penulis Islam menceduk nilai-nilai seni al-Quran dalam usaha untuk menggilap bakat dan mendidik perasaan sejajar dengan kehendak peradaban Islam. (Abdul Basid Badar, 1985, m.s. 46)

Emosi dan pengalaman perasaan merupakan unsur terpenting dalam pembikinan hasil sastera. Seandainya unsur ini dapat dikawal dan diarahkan supaya menepati kehendak Islam, maka tidak timbulah selepas itu soal tidak kenal halal haram di kalangan penulis dan sasterawan semasa menghasil sesuatu karya.

Seharusnya menjadi ingatan semua bahawa seni adalah untuk Islam dan bukannya “seni semata-mata untuk seni”.(Soleh Adam Belo, 1985, m.s. 53)

Ada juga orang beranggapan bahawa seni tidak boleh dikaitkan dengan Islam kerana seni amat bergantung kepada daya imiginasi sedangkan Islam tidak menggalakkan perkembangannya.

Seseorang penyajak pada pandangan golongan ini akan menjadi kaku kerana tidak dibenarkan untuk melukiskan makna dalam bentuk gambaran yang imiginatif. Anggapan ini sebenarnya lahir dari orang yang tidak memahami kandung al-Quran, malahan kalau diteliti, jelas menunjukkan bahawa ayat-ayat

al-Quran memperkenalkan berbagai-bagai kaedah persembahan maksud dengan berteraskan daya imiginasi yang subur dan sempurna.

c) Menampilkan unsur-unsur keindahan kesenian Islam.

Keindahan merupakan sesuatu yang nyata di alam ini. Sesiapa sahaja yang melihat alam ini akan merasakan dirinya dibuai dengan keindahan yang menakjubkan. Orang-orang yang mempunyai pemerhatian yang halus akan bertemu dengan lebih banyak keindahan yang mungkin tidak dapat dinikmati oleh orang lain. (Muhammad Qutub, 1983, m.s. 85)

Salah satu keindahan yang akan diketengahkan dalam kajian ini ialah keindahan yang tersirat dalam pemakaian bahasa sebagai alat berkomunikasi untuk menyampaikan perasaan dan maksud dalaman.

Kajian ini juga akan memperjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan keindahan hakiki. Banyak orang telah terkeliru di antara keindahan yang sebenarnya dan keindahan yang telah dipalsukan. Sebagai akibatnya sesuatu yang disangkakan indah itu telah menyebabkan pencintanya terjerumus ke lembah kehinaan dan kebinasaan.

Seorang insan yang hidup di atas muka bumi ini sangat memerlukan kepada keindahan untuk menghibur dan merehatkan jiwanya. Ke manakah akan diarahkan kemahuannya untuk mendapatkan secebis keindahan?. Kajian ini sedikit sebanyak akan meletakkan batu-batu tanda agar pencinta keindahan menemui jalan-jalan menuju keindahan yang abadi.

1.3.2. Objektif khusus.

Kajian ini secara langsung ingin mencapai beberapa sasaran dan matlamat yang bersangkutan dengan penggunaan ayat tanya untuk tujuan tertentu yang bukan merupakan tujuan asal pertanyaan. Selain itu, ia bertujuan untuk memperjelaskan i'jaz al-Quran dalam surah al-Naml.

a) Kajian saintifik terhadap ayat tanya dalam surah al-Naml.

Secara khususnya kajian ini akan membuat analisis secara saintifik terhadap penggunaan ayat-ayat tanya dalam surah al-Naml dan mempamerkan keindahan dan kehebatan bahasanya kepada umum.

Kajian mengenai ayat tanya dalam surah ini akan lebih tertumpu kepada makna-makna yang tersirat di sebalik penggunaannya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah makna-makna yang tersembunyi, yang dilambangkan oleh perkataan-perkataan yang wujud secara tidak langsung. Maksud yang tersembunyi ini dapat difahami melalui keadaan dan konteks yang merangkumi ayat-ayat tersebut.

Pertanyaan pada dasarnya bertujuan untuk mendapat maklumat tentang perkara-perkara yang tidak diketahui sebelumnya. Sebaliknya apabila penutur sudah pun mengetahui perkara tersebut dan sudah tentu ia tidak memerlukan kepada jawapannya. Pertanyaan pada ketika itu bertujuan dengan secara tidak langsung untuk menyampaikan maksud yang tertentu yang terselindung di sebalik lahiriah ayat. (Abdul Aziz Abdul Mu'tiy, 1984, jld :2 m.s. 103)

Dengan yang demikian pertanyaan yang diajukan itu , secara zahirnya berperanan mengajak pendengar untuk berfikir dan mencari maksud yang terselindung.

Dari sudut yang lain, makna yang terselindung itu lebih berkesan kepada pendengar kerana ia diperolehi melalui petunjuk akal dan lojik yang menjangkaui petunjuk lafadz dan perkataan. Ini adalah kerana soal pemahaman bahasa adalah soal yang bersangkut paut dengan pemikiran dan penelitian minda.(Abdul Qāhir al Jurjāniy, 1980, m.s. : 109)

Maksud ini tidak dinyatakan secara terang dalam ayat tersebut. Oleh itu kajian ini akan membahaskan dengan panjang lebar dari hal kaedah-kaedah dan pendekatan-pendekatan tertentu yang amat diperlukan dalam usaha memahami makna yang tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya.

b) Memperjelaskan i'jaz al-Quran dalam surah al-Naml.

Surah al-Naml walaupun pendek tetapi mempunyai banyak rahsia-rahsia i'jaz yang perlu dibuat kajian secara ilmiah dan dikemukakan kepada pengkaji secara bertulis. Para pengkaji atau pembaca al-Quran bukan sahaja akan dapat merasakan keindahan al-Quran dan menghayati maknanya dengan secara lebih dekat lagi malahan mengetahui dengan teperinci selok-belok i'jaz al- Quran.

c) Mengemukakan kaedah terbaik untuk mentafsir al-Quran.

Kajian ini juga secara tidak langsung akan memperkenalkan kaedah dan cara terbaik untuk menterjemah dan mentafsirkan ayat-ayat suci al-Quran. Ini akan

dilakukan dengan cara memilih perkataan-perkataan bahasa Melayu yang tepat dengan makna asal di dalam bahasa Arab, menghidupkan nilai-nilai keindahan bahasa seperti mana yang terdapat di dalam al-Quran, terhadap terjemahan dan menghurai makna ayat dalam bahasa yang mudah, jelas dan menarik.

Dalam soal ini satu perbandingan di antara beberapa buah kitab tafsir bahasa Melayu Malaysia / Indonesia akan dilakukan untuk melihat sejauh manakah ketepatan terjemahannya.

Di samping itu, penulis juga akan memberi komen-komen, saranan-saranan yang membina dan juga asas-asas terjemahan sebagai satu kaedah yang tidak dapat tidak semasa melakukan terjemahan dan tafsiran terhadap ayat-ayat suci al-Quran supaya dapat menjaminkan ketepatan makna dan keberkesanannya terhadap pembaca.

1.4. PERMASALAHAN KAJIAN.

Membuat kajian pada peringkat sarjana lebih-lebih lagi secara sambilan menyebabkan penulis tidak terlepas dari menghadapi beberapa masalah. Walau bagaimana pun masalah ini akan cuba dikurangkan sedaya-upaya yang termampu. Di antara masalahnya adalah seperti berikut :

- a) Sukar untuk menterjemahkan istilah-istilah tertentu di dalam bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu, terutamanya istilah-istilah yang bersangkutan dengan kajian-kajian bahasa yang dilakukan oleh tokoh-tokoh bahasa Arab. Walau bagaimanapun sesuatu istilah itu sebelum diterjemahkan dirujuk terlebih dahulu

kepada istilah-istilah yang sama yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh bahasa Melayu.

- b) Oleh kerana penulis kajian ini merupakan peserta luar kampus dan secara sambilan, beliau menghadapi kesukaran untuk bertemu dan berbincang dengan penyelia kajian dan juga rakan-rakan seangkatan. Dalam keadaan tertentu beliau membuat keputusan sendiri setelah dirujuk kepada pendapat-pendapat tokoh-tokoh terdahulu.
- c) Sukar untuk mendapatkan bahan kajian kerana perpustakaan awam dan perpustakaan lain di negeri Kedah tidak mempunyai rujukan yang mencukupi.

1.5. SOROTAN KAJIAN BERKAITAN.

Ada beberapa sebab utama yang menjadi pendorong dan pemangkin untuk membuat kajian ini. Penulis merasakan dirinya terpanggil untuk memulakan satu misi yang dianggap sangat perlu dan suci. Di antara pendorong-pendorong utama untuk menyiapkan kajian ini adalah seperti berikut :

1.5.1. Keinginan untuk mendekati al-Quran.

Apabila membaca atau mendengar ayat-ayat suci al-Qurānūl al-Karīm, hati ini terasa terpanggil untuk mendekatinya dan bernaung di bawah lindungannya. Keunikan kalimahnya dan keindahan bahasanya begitu menusuk kalbu, bagaikan roh yang dapat menggerakkan seluruh jasad ini. Tiada yang lebih indah daripada menghayati maknanya dan tiada yang lebih manis daripada memperkatakan sesuatu dari halnya.

1.5.2. Menjadikan al-Quran sebagai penawar hati.

Kekosongan hati seorang hamba yang kerdil ini amat berhajat kepada pertunjuk dan hidayah al-Quran. Tanpa pertunjuk darinya hati yang lemah ini tidak dapat mengekang segala macam kedurjahan yang sentiasa menanti untuk bersarang di lubuk hati dan hidup ini tidak mampu untuk menerjah kegelapan kejahilan.

1.5.3. Meneruskan perjuangan silam

Tokoh-tokoh bahasa Arab di zaman silam seperti Al-Baqillānī di dalam kitabnya I'jāz al-Quran, Farrā' 208 H. di dalam kitabnya Ma'āni al-Quran, Abdul Qāhir al-Jurjānī 400 H. di dalam kitabnya Daṣaīlul I'jāz dan lain-lain lagi telah memulakan usaha murni mereka untuk menyelami makna ayat tanya.

Usaha mereka tidak seharusnya dibiarkan terpendam di dalam lipatan kitab sahaja, malahan amat memerlukan kepada pengkaji-pengkaji untuk meneruskan satu perjuangan yang tidak akan berakhir buat selama-lamanya dan memastikan kesinambungan ilmu warisan Islam.

1.5.4. Menambah khazanah ilmu bahasa.

Pengkajian bahasa di Malaysia sangat memerlukan kepada khazanah ilmu pengetahuan khususnya khazanah ilmiah hasil ketamadunan Islam dan Arab yang suatu ketika dahulu menjadi rujukan para sarjana barat.

Ramai di kalangan pengkaji-pengkaji dan pencinta-pencinta bahasa Melayu tidak berupaya menjengok ke dalam hasil kajian umat Islam Arab di zaman kegemilangan

Islam kerana tidak dapat menguasai bahasa Arab. Sedangkan ilmu bahasa yang diketengahkan oleh tokoh-tokoh di zaman itu amat bermutu dan bernilai tinggi, yang mana hasil kajian mereka, kalau diterjemah dan diketengahkan dalam bentuk kajian ilmiah sudah tentu dapat menyumbang ke arah perkembangan bahasa Melayu sejajar dengan usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah dan antara bangsa.

1.6. METODOLOGI KAJIAN.

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif terhadap makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya di dalam surah al-Naml. Kajian ini akan berpandukan kepada beberapa-beberapa kaedah yang menjadi asas serta panduan semasa ia dijalankan.

Secara umumnya kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang berdasarkan kepada hasil penulisan terdahulu. Penulis akan mengambil kira pendapat-pendapat ulama-ulama yang terdahulu yang telahpun dipersetujui khususnya pendapat-pendapat di dalam bidang bahasa dan seterusnya ini dijadikan data dan bahan kepada penulis untuk meneruskan kajian selanjutnya.

Untuk tujuan itu penulis menggunakan bahan-bahan rujukan yang berupa buku-buku dan dokumen-dokumen yang dimiliki sendiri oleh penulis dan juga merujuk kepada perpustakaan Awam Negeri Kedah dan juga perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Agama Islam Negeri Kedah (INSANIAH).

Terdapat tiga metod utama yang menjadi asas kepada kajian ini. Metod yang dimaksudkan ini ialah :

- a) Metod Penentuan Subjek.
- b) Metod Pengumpulan Data.
- c) Metod Penganalisisan Subjek.

1.6.1. Penentuan subjek

Pemilihan tajuk yang tepat dan sesuai dengan selera penulis merupakan asas utama yang akan mendorong penulis untuk menyiapkan kajiannya secara kreatif dan inovatif. Penulis tidak boleh dipaksa untuk menerima sesuatu tajuk ataupun memilih secara tergesa-gesa tanpa mengetahuai secara mendalam.

Tajuk ini dipilih oleh penulis setelah membuat penelitian melalui bacaan terhadap karangan-karangan terdahulu, seterusnya penulis membuat kesimpulan bahawa tajuk ini perlu diketengahkan dalam bentuk yang lebih jelas lagi.

Dalam memperkatakan tajuk ayat tanya, skop dan bidang kajiannya haruslah ditentukan dengan teliti agar ia tidak menjadi terlalu sempit sehingga menyebabkan penulis kehilangan idea dan juga tidak terlalu luas sehingga penulis tidak berupaya untuk mendetail sesuatu permasalahan.

Dengan itu penulis memilih makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya sebagai tajuk kajian dan dengan khusus ditumpukan kajian dalam surah al-Naml yang hanya mempunyai 93 ayat sahaja.

1.6.2. Pengumpulan data.

Data-data dan maklumat-maklumat hasil kajian terdahulu amat diperlukan untuk melaksanakan kajian ini. Data-data ini akan dikaji secara terperinci untuk membentuk satu natijah dan kesimpulan baru yang akan dimuatkan dalam kajian ini.

Dengan itu proses pengumpulan data harus dilakukan dengan teliti dan bersistematik agar penulis tidak dibebankan dengan timbunan data yang tidak mempunyai kaitan dengan bidang kajian, yang akhirnya akan menyebabkan perbincangan terkejuar tajuk dan tidak mempunyai kesatuan dan kesepadan isi.

Data-data yang dikumpul hendaklah diklasifikasikan mengikut bab-bab dan bahagian-bahagian kajian yang telah dilakukan dengan sempurna sebelumnya. Ini akan memudahkan penulis untuk menganalisis data tadi dan seterusnya dijadikan bahan kajian.

Diantara metod yang digunakan semasa proses pengumpulan data ialah Metod Historis iaitu mengumpulkan data dengan mengaitkannya dengan fakta sejarah. Sejarah awal kajian ulama-ulama terdahulu mengenai ayat tanya akan diteliti dan dipastikan ianya tepat berdasarkan kejadian sebenar. Seterusnya penulis menggunakan Metod Dokumentari iaitu pengumpulan data-data penting yang ada hubung-kait dengan kajian ini.

1.6.3. Metod Penganalisisan Data.

Dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi, penulis telah menggunakan Metod Induktif, Metod Deduktif dan Metod Kompratif.

Melalui Metod Induktif, data-data dinilai dan dianalisis secara khusus dengan dipecahkan kepada bahagian-bahagian tertentu yang lebih kecil. Ini dilakukan supaya ciri-ciri dan sifat-sifat khusus sesuatu permasalahan itu dapat dikupas dan dikaji secara mendalam dan seterusnya satu kesimpulan yang bersifat umum dapat dibuat dan diterima pakai untuk semua keadaan.

Metod Duduktif pula mempunyai makna berlawanan dengan metod induktif iaitu mengemukakan sesuatu pernyataan dan seterusnya memberikan hujah-hujah bagi menyokong kenyataan tadi.

Manakala penggunaan Metod Kompratif bermaksud membuat kesimpulan setelah dilakukan satu perbandingan dengan data-data yang lain.

Di samping itu, penulis akan berpegang kepada beberapa perkara dan menjadikannya sebagai asas untuk mengupas dan membentangkan kajian. Di antaranya ialah seperti berikut :

- a) Penghuraian serta penterjemahan dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu secara tepat dan detail terhadap istilah-istilah yang berkaitan dengan tajuk dengan merujuk kepada kamus-kamus yang mu'tabar serta pendapat ulama-ulama bahasa.
- b) Mengemukakan pendapat para sarjana bahasa dalam keadaan-keadaan yang tertentu yang mana memerlukan kepada paparan dan perbentangan pendapat bagi menjelaskan sesuatu permasalahan.

Kemudian disusuli pula dengan pemilihan pendapat yang terbaik serta relevan dengan tajuk dengan disokong oleh hujah-hujah tertentu. Scandalnya keadaan tertentu dalam perkiraan penulis tidak berhajat kepada pembentangan pendapat, ianya memadai dengan mengemukakan pendapat yang paling tepat seperti mana yang dinyatakan oleh kebanyakan tokoh-tokoh bahasa dan juga berdasarkan kepada pertimbangan dan keputusan penulis.

- c) Mengupas setiap tajuk dan permasalahan yang menjadi inti kepada kajian ini dalam bentuk yang paling jelas, mudah difahamai dalam bentuk dan gaya persembahan yang memberi kepuasan kepada pembaca.
- d) Mengukuhkan kenyataan dengan hujah naqli dan aqli.
- e) Berlaku amanah serta bertanggung-jawab semasa menukiikan pendapat-pendapat sarjana-sarjana lain dengan menyatakan sumber-sumber rujukan asal.
- f) Memberikan saranan-saranan dan cadangan-cadangan yang membina supaya boleh dijadikan i'tibar oleh pembaca dan pengkaji berikutnya.
- g) Sumber rujukan utama ialah al-Quran, kitab-kitab tafsir, dokumen-dokumen asal dan juga sumber-sumber kedua.

1.7. SEJARAH RINGKAS PENULISAN AYAT TANYA.

Ilmu Balaghah seperti juga ilmu-ilmu lain tidak dibukukan pada peringkat awal, iaitu pada zaman *Jahiliyah* dan zaman permulaan Islam. Pada masa ini ilmu Balaghah wujud

dalam bentuk penghayatan secara semula jadi seperti juga ilmu-ilmu dalam peradaban Islam yang lain.

Orang yang pertama menulis tentang ilmu Balaghah ialah Abu Ubaidah Muammār ibn al-Muthanna, 210 H. setelah keadaan pada ketika itu mendesak beliau untuk berbuat demikian. Kebanyakan orang Islam pada ketika itu khususnya orang-orang *A'jam* yang baru memeluk Islam tidak dapat memahami dan menghayati bahasa Arab dengan sempurna tanpa didedahkan kepada satu kaedah bertulis tentang ilmu Balaghah.

Dari sudut yang lain wujud pada ketika itu satu gerakan Syu'ūbī yang cuba meragui orang ramai tentang kesahihan bahasa al-Quran. Beliau menulis beberapa tajuk mengenai bahasa al-Quran - tidak termasuk bab istifham - yang dimuatkannya dalam kitabnya *Majāz al-Qurān*.

Selepas beliau, muncul pula Abdul Qāhir al-Jurjānī yang dianggap pelopor ilmu Balaghah. Beliau menulis ilmu Balaghah secara ilmiah dengan menyentuh hampir semua permasalahan yang ada dalam ilmu itu dan menghubung-kaitkan ilmu bahasa dengan ilmu jiwa seperti mana yang terdapat dalam kitabnya *Dalā'il al-'Ijāz* dan *Asrār al-Balāghah*.

Walaupun dalam keadaan tertentu beliau tidak menyentuh dengan panjang lebar tetapi apa yang dinukilkannya cukup bernilai dan bermakna untuk dijadikan panduan kepada pengkaji dan penulis ilmu Balaghah kini untuk meneruskan kajian di dalam ilmu ini. (Abdul Azīz Abdul Mu'tīy Arafah, 1984 : jld : 1, m.s. 30)

Apa yang diperkatakannya mengenai ilmu Balaghah termasuk memberi istilah-istilah tertentu dan juga membuat kaedah bagi ilmu itu tidak dapat disangkal oleh sesiapa

sehingga kini. Sebaliknya pendapatnya itu selari dengan kajian tokoh-tokoh ilmuan bahasa sama ada di kalangan orang Arab ataupun Barat.

Mengenai bab istifham ataupun ayat tanya beliau menyentuh tentangnya semasa membicarakan bab taqdim wa ta'khir. Turut diperkatakan dalam tajuk ini ialah makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya.

Kesimpulannya, Abdul Qāhir al-Jurjānīy memperjelaskan dalam setiap penulisannya tentang kaedah-kaedah Balaghah yang menjadi asas utama proses pembentukan ayat yang baik dan bermutu. Kaedah ini mencakupi soal pemilihan perkataan, kaitan makna dengan ayat dan juga hubungan bahasa dengan minda sebagai alat untuk menyalurkan maksud dan perasaan. (Abdul Qāhir al-Jurjānīy, 1980, m.s. 23)

Kemudian bab istifham dibincangkan secara peraktik oleh al-Zamakhsyārīy pada kurun ke enam Hijrah di dalam kitab tafsirnya " al-Kasyṣyāf ". Al-Zamakhsyārīy dianggap tokoh bahasa yang mampu memperjelaskan kaedah balaghah dalam bentuk yang lebih jelas dan berkesan. Ini dilakukan dengan menjadikan bahasa al-Quran sebagai medan untuk mengupas dan menghuraikan segala permasalahan ilmu Balaghah.

Beliau berjaya mengupas dan menghurai makna ayat tanya dengan sempurna semasa mentafsir ayat-ayat tanya dalam surah-surah al-Quran. Beliau melihat makna ayat bukan sahaja pada lambang perkataan ataupun makna dari sudut nahu, tetapi melihat pada keseluruhan ayat termasuk keadaan dan suasana yang menjadi latar belakang kepada ayat. (Muhammad Muhammad Abu Mūsa, 1988, m.s. 44).

Turut disentuh dan dibahas dalam perbicaraan istifham ialah soal taqdim dan ta'khir, makna tersirat dan juga jawab istifham samada bertepatan atau tidak dengan soalan.

Kemudian muncul pula al-Khatib al-Qazwiniy, 666 H. dengan kitabnya "al-Idoh". Beliau menghurai dan menyunting kaedah Balaghah yang ditulis oleh tokoh terdahulu di samping menyusun tajuk-tajuk kajian ilmu Balaghah secara teratur dan sistematik.

Beliau meletakkan perbincangan mengenai istifham dalam bab al-Insya' iaitu salah satu bidang kajian ilmu al-ma'ani. Memulakan perbincangan dengan menghuraikan *adawat-adawat istifham*, kemudian diikuti pula dengan konsep tasawwur dan tasdiq.

Seterusnya beliau menghuraikan makna tersirat di sebalik penggunaan ayat tanya. Segala penjelasan mengenai konsep dan kaedah istifham diikuti dengan contoh-contoh yang terdiri dari ayat al-Quran dan juga syair Arab. (Al-Khatib al-Qazwiniy, t.t., m.s. 130)

Di zaman moden pula, muncul ramai pengarang-pengarang ilmu Balaghah. Mereka memperkembangkan ilmu itu berdasarkan asas ulama-ulama terdahulu. Di dalam kitab-kitab mereka dimuatkan dengan huraian yang panjang lebar tentang semua permasalahan dan tajuk-tajuk ilmu Balaghah termasuklah tajuk istifham. Malah diperjelaskan lagi dengan contoh-contoh dari ayat-ayat al-Quran, hadis nabi dan hasil kesusasteraan Arab.

1.8. RANGKA KAJIAN.

Kajian ini adalah mengenai penggunaan ayat tanya untuk makna tersirat yang secara khususnya mengupas ayat-ayat tanya dalam surah al-Naml. Memang menjadi satu pendekatan yang berkesan dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri menyampaikan maksud tersirat melalui ayat tanya seperti mana yang digunakan dalam

surah ini. Walaupun makna disampaikan secara tidak langsung, tetapi ia dapat difahami oleh pendengar berdasarkan kepada konteks yang menjadi asas kepada penggunaan ini.

Bagi menghasilkan satu kajian yang sempurna dan bersistematik satu kerangka kajian yang mencakupi seluruh aspek yang akan diperbincangkan, perlu disusun secara teliti dan terancang. Ini bertujuan untuk memperjelaskan segala persoalan yang berkaitan kepada pembaca dalam bentuk yang menarik dan mudah difahami, di samping mewujudkan satu kesinambungan isi dan fakta antara bab-bab dalam kajian ini.

1.8.1. Isi kandungan Bab 1.

Bab pertama dimulakan dengan memperjelaskan secara terperinci mengenai bidang kajian dan juga definisi tajuk supaya tidak terkeluar dari skop asalnya. Kemudian disusuli pula dengan objektif kajian yang merupakan matlamat dan sasaran yang hendak dicapai menerusi kajian ini.

Dalam bab ini juga dinyatakan asas-asas yang menjadi pendorong utama ke arah menghasilkan kajian berkaitan. Asas-asas ini dinyatakan dalam bahagian Sorotan Kajian. Tujuannya ialah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman penulis dalam menghasilkan kajian ini dengan pembaca.

Begini juga dengan sumber-sumber, bahan-bahan dan bentuk proses penganalisisan data yang menjadi pembekal bahan untuk kajian ini diutarakan dalam bahagian Metodologi Kajian.

Bab ini diakhiri dengan menghuraikan secara ringkas sejarah penulisan ayat tanya dengan harapan membekalkan maklumat awal kepada pengkaji dan pembaca.

1.8.2. Isi kandungan bab 2.

Bab 2 memperjelaskan kepada pembaca mengenai bentuk-bentuk i'jaz al-Quran dengan mengenangkan kajian-kajian tokoh-tokoh bahasa Arab mengenainya. Bab ini diperlukan kerana kajian makna ayat tanya tersirat ini tidak akan mempunyai apa-apa makna sekiranya ia tidak dilihat dari sudut i'jaz al-Quran. Kekuatan ayat tanya dalam surah ini adalah terletak kepada penggunaannya yang tersendiri yang mengambil kira segala permasalahan berbahasa.

1.8.3. Isi kandungan bab 3.

Bab 3 dimulakan dengan sejarah ringkas penulisan ilmu bahasa bagi memberikan sedikit gambaran mengenai usaha tokoh-tokoh ilmu bahasa terdahulu kepada pembaca.

Bab ini memberikan fokus utama kepada memperjelaskan jenis-jenis ayat tanya dan bentuk penggunaannya berdasarkan kepada ilmu Nahu dan Balaghah. Ini merupakan perkara asas untuk mengkaji makna tersirat dalam ayat tanya. Penggunaan ayat tanya yang menepati kaedah Nahu dan bersesuaian dengan kehendak Balaghah mampu menyampaikan makna kepada pendengar dengan berkesan.

1.8.4. Isi kandungan bab 4.

Bab 4 memuatkan kajian mengenai makna tersirat dalam ayat tanya. Bab ini dimulakan dengan membincangkan unsus-unsur dalam pembinaan ayat tanya yang merangkumi unsur luaran, unsur dalaman, konteks dan kesan konteks.

Seterusnya diketengahkan pula aliran-aliran pemikiran berhubung bentuk luaran dan bentuk dalaman ayat tanya. Pendapat-pendapat tokoh-tokoh Balaghah yang pro dan kontra yang dimuatkan di sini akan memantapkan lagi kefahaman pengkaji dan pembaca terhadap makna ayat tanya.

Turut menjadi perbincangan utama dalam bab ini ialah kesan psikoologi dari penggunaan ayat tanya untuk makna tersirat. Kesan inilah yang diharapkan oleh pengguna ayat tanya untuk menyampaikan maksudnya kepada pendengar.

Bab ini disudahi dengan membincang nilai-nilai seni dalam penggunaan ayat-ayat tanya. Nilai seni inilah yang menjadi tarikan utama kepada pendengar untuk mengupas dan memahami makna tersirat ayat tanya.

1.8.5. Isi kandungan bab 5.

Bab ini merupakan bab utama bagi kajian ini. Dimulakan dengan menghuraikan isi kandungan surah al-Naml dan disusuli pula dengan senarai ayat tanya dalam surah ini, maksud ayat tanya hakiki dan ayat tanya untuk makna tersirat.

Semasa menghuraikan makna ayat tanya dalam surah ini, ianya dimulakan dengan maksud ayat dan disusuli pula dengan latar belakang ayat, makna tersirat dan nilai seni dalam ayat.

Pendekatan ini perlu untuk memperjelaskan segala perkara yang berkaitan dengan ayat tanya sama ada yang berbentuk luaran, dalaman, suasana yang menjadi latar belakang ayat dan nilai seni ayat. Pemahaman yang jelas terhadap perkara-perkara tersebut akan

membantu pendengar atau pembaca merasai keindahan ayat tanya dan menghayati maknanya dalam dirinya.

1.8.6. Isi kandungan bab 6.

Bab 6 merupakan bab penutup bagi kajian ini. Dimulakan dengan membuat rumusan bagi tujuan penggunaan semua 31 ayat tanya dalam surah ini. Terdapat 9 tujuan utama dari penggunaan ayat tanya untuk makna tersirat yang mana ini merupakan mesej yang hendak disampaikan kepada pendengar.

Tujuan utama dari penggunaan ayat tanya di sini adalah selari dan bersesuaian dengan fokus utama surah ini iaitu untuk menyeru manusia supaya beriman kepada Allah, mensyukuri nikmat-nikmatnya dan menentang kemungkaran.

Bab ini diakhiri dengan mengutarakan masalah kupasan ayat tanya dan saranan-saranan dari penulis untuk pembaca dan pengkaji seterusnya.

Dengan saranan-saranan yang diketengahkan di sini diharap kajian seterusnya terhadap penggunaan ayat tanya dalam al-Quran akan lebih sempurna lagi dan memberi banyak manfaat kepada perkembangan bahasa al-Quran khususnya dan perkembangan bahasa Melayu amnya.